

DATE: 21 / 8 / 2009

# Perkenalkan GST 2012 - MIER

UM - 21 / 8 / 2009

**KUALA LUMPUR** 20 Ogos – Kerajaan dicadangkan supaya memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada 2012.

Sehubungan itu, Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Prof. Datuk Dr. Mohamed Ariff menyarankan perkara itu dicadangkan pada pembentangan Bajet 2010 nanti.

“Tahun 2012 adalah masa yang paling sesuai bagi melaksanakan GST kerana ketika itu ekonomi negara dijangka sudah berada pada landasan sebenar.

“Rancang sekarang agar kerajaan mempunyai masa yang cukup selesa untuk menyelaraskan GST,” katanya ketika ditemui pada Seminar Wawasan Industri anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Jelasnya, sekiranya pengumuman awal mengenai pelaksanaan GST dibuat pada bajet akan datang, sekurang-kurangnya kerajaan mempunyai masa kira-kira tiga tahun lagi untuk membuat persediaan.

Rancang sekarang agar kerajaan mempunyai masa yang cukup selesa untuk menyelaraskan GST

## - MOHAMED ARIFF

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

Menurut beliau, pengenalan GST penting untuk mengimbangi semula pendapatan negara selepas krisis ekonomi global.

Sebelum ini, pada 2004, kerajaan merancang memperkenalkan GST yang berkonsepkan nilai tambah pada 1 Januari 2007 berikutan pemansuhan cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Bagaimanapun dua tahun kemudian, kerajaan mengemukakan penangguhan pelaksanaan GST dengan alasan untuk memastikan sebarang masalah yang dijangka timbul daripada pelaksanaan GST dapat diselesaikan.

Selepas lima tahun membuat ca-

dangan, kerajaan masih belum bersedia melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kerana mengambil kira beban kos sara hidup yang tinggi ditanggung rakyat terutama ketika keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, baru-baru ini berkata, kerajaan masih belum bersedia untuk melaksanakan GST kerana tumpuan utama kerajaan sekarang adalah memelihara kepentingan rakyat.

Meskipun begitu, Ahmad Husni berkata, kerajaan masih menjalankan kajian terperinci tentang pelaksanaan GST.